

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN  
RADIN [ KINABATANGAN ]**

**TARIKH : 8 DISEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**DATO' SRI BUNG MOKTAR BIN RADIN [ KINABATANGAN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah pihak Kementerian akan menyalurkan peruntukan khas kepada Kerajaan Negeri Sabah dalam usaha meningkatkan peratusan kadar vaksinasi khususnya selepas berakhirnya peranan CITF Negeri dan penutupan Pusat-Pusat Pemberian Vaksin (PPV) di negeri Sabah.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Bagi negeri Sabah, kesemua 16 Pusat Pemberian Vaksin (PPV) yang beroperasi sebelum ini bagi menyelesaikan pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) Remaja telah menamatkan operasi.

2. Selaras dengan peluasan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK), pelaksanaan pemberian dos penggalak vaksin COVID-19 telah dimulakan bagi memastikan perlindungan yang optimum diperolehi oleh penerima vaksin COVID-19 di Malaysia amnya dan Sabah khususnya.

3. Dalam hal ini, strategi pemberian dos penggalak adalah melalui tiga kaedah pendekatan iaitu:

- Pemberian secara oportunistik yang dijalankan di klinik-klinik dan hospital kerajaan;
- Pemberian secara *after office hour vaccination (AOV)* iaitu pelaksanaan selepas waktu bekerja biasa di klinik-klinik kesihatan; dan
- Pemberian secara *outreach* iaitu pemberian secara jangkau luar.

4. Kerajaan Negeri Sabah bolehlah menggunakan peruntukan sedia ada bagi pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) yang telah diberikan kepada JKN Sabah dan CITF Sabah bagi meningkatkan peratusan kadar vaksinasi di negeri Sabah. Penyaluran peruntukan tambahan akan dipertimbangkan mengikut keperluan apabila peruntukan sedia ada telah habis dibelanjakan.

Sekian, terima kasih.